NO SOALAN :49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (MARANG)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 01.08.2017**

Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana kebenaran Kerajaan menyatakan prestasi ekonomi negara bagi suku pertama 2017 kekal stabil dan kukuh sedangkan realitinya Kerajaan seperti kekeringan wang, berlakunya pemotongan bajet pendidikan, subsidi dan rakyat dihimpit dengan kos sara hidup yang tinggi serta peningkatan inflasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan ekonomi negara telah menunjukkan prestasi yang amat

memberangsangkan dalam tempoh suku pertama 2017 dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 5.6%. Pertumbuhan disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta di mana penggunaan swasta berkembang sebanyak 6.6% manakala pelaburan swasta mencatat pertumbuhan yang mapan sebanyak 12.9%. Dari sudut penawaran, kesemua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan positif diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Eksport benar meningkat dengan kukuh sebanyak 9.8%. Import benar juga meningkat lebih pantas pada kadar 12.9% hasil daripada peningkatan ketara dalam import barangan modal dan pengantara yang lebih tinggi. Sementara itu, jumlah pelaburan langsung asing (FDI) mencatat peningkatan aliran bersih sebanyak RM17 bilion dalam tempoh suku pertama 2017, manakala rizab antarabangsa mencatat RM425.4 bilion (USD99.1 bilion) pada 14 Julai 2017, memadai untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

2. Pertumbuhan ekonomi yang kukuh ini turut dicerminkan oleh kestabilan pasaran buruh. Jumlah guna tenaga telah meningkat sebanyak 260 ribu kepada 14.36 juta dalam tempoh suku pertama 2017 berbanding dengan suku pertama 2016. Tambahan pula, pertumbuhan upah sektor swasta meningkat kukuh sebanyak 4.5% dalam tempoh suku pertama 2017 dengan sektor perkhidmatan

berkembang sebanyak 5.1% manakala sektor pembuatan sebanyak 3.2%. Bagi sektor pertanian pula, kenaikan harga sawit dan getah turut membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

3. Penyataan bahawa Kerajaan seperti kekeringan wang dan pemotongan bajet pendidikan adalah tidak benar. Selaras dengan pertambahan hasil, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM260.8 bilion bagi Bajet 2017, iaitu peningkatan sebanyak 3.4% berbanding jumlah perbelanjaan Kerajaan pada tahun 2016. Peruntukan bagi sektor pendidikan pada tahun 2017 juga meningkat sebanyak 5.7% kepada RM58.8 bilion berbanding tahun 2016. Pada masa yang sama, Kerajaan mengamalkan dasar konsolidasi fiskal sejak 2009 bagi memastikan kemampanan fiskal jangka panjang negara serta mewujudkan ruang fiskal dan meningkatkan keupayaan Kerajaan untuk melaksanakan langkah kitaran balas (*counter-cyclical measures)* sekiranya berlaku krisis ekonomi.

4. Sebagai langkah konsolidasi tersebut, Kerajaan telah melaksanakan GST untuk memperluaskan sumber pendapatan Kerajaan dan meningkatkan kecekapan sistem percukaian. Tindakan tersebut adalah tepat pada masanya kerana harga petroleum mula merosot dan telah menjejaskan sumber pendapatan berasaskan

petroleum. Kadar GST yang diperkenalkan adalah antara yang terendah di dunia iaitu 6% dan sehingga kini 160 buah negara telah mengamalkan GST.

5. Kerajaan juga melaksanakan langkah rasionalisasi subsidi dengan mengalih secara berperingkat mekanisme pemberian subsidi secara pukal kepada mekanisme subsidi yang lebih bersasar. Langkah ini dilaksanakan bagi memastikan subsidi disasarkan hanya kepada golongan berpendapatan rendah yang memerlukan, meningkatkan kecekapan pengagihan sumber kewangan negara serta mengurangkan ketirisan perbelanjaan Kerajaan. Selain itu, Kerajaan juga melaksanakan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan yang memberi nilai untuk wang (*value for* money) serta memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam serta mengelakkan pertindihan fungsi antara agensi. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus mengutamakan kepentingan rakyat dan memastikan sebarang langkah rasionalisasi perbelanjaaan tidak memberi kesan terhadap sistem penyampaian kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kerajaan sedar tekanan yang dihadapi oleh ekonomi kelas pertengahan akibat peningkatan kos sara hidup. Kadar inflasi dalam tempoh separuh pertama 2017 meningkat 4.1% (2016: 2.1%), sebahagiannya disebabkan oleh kesan daripada harga minyak mentah global yang semakin pulih yang seterusnya menyebabkan peningkatan harga runcit minyak petrol dalam negara. Sehubungan itu, pelbagai inisitif disalurkan kerajaan sebagai usaha meringankan beban yang ditanggung golongan terlibat, termasuk:

- menjana pendapatan rakyat melalui Program MySuria, Mobilepreneur, Agroprenuer serta eUsahawan dan eRezeki;

- memberi subsidi gas memasak dan subsidi bil elektrik; insentif pengeluaran getah kepada pekebun kecil; subsidi harga, subsidi benih dan subsidi baja kepada pesawah padi; elaun sara hidup nelayan dan penawaran geran kepada pemandu teksi;

- meningkatkan pemberian bantuan rakyat 1Malaysia (BR1M) yang telah memanfaatkan kira-kira 7 juta penerima pada tahun 2017;

- menyediakan bantuan pendidikan rendah dan menengah termasuk bantuan persekolahan RM100 kepada setiap pelajar dari keluarga berpendapatan kurang daripada RM3,000 dan meneruskan Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia sekolah rendah;

- memberi kad debit pelajar bernilai RM250 bagi pembelian buku, alat tulis, alatan komputer dan akses internet serta meneruskan pemberian biasiswa; dan

- menawarkan pelbagai kemudahan pembiayaan kepada isi rumah B40 melalui MARA, KOJADI, TERAJU, SPUMI, danTEKUN.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Kerajaan terus komited ke arah usaha konsolidasi fiskal di samping memperkukuh ekonomi negara serta melaksana pelbagai program dan projek yang berteraskan rakyat dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Melalui pelbagai langkah yang sedang dan

akan dilaksanakan ini, pertumbuhan ekonomi dijangka kekal kukuh dan mencapai sasaran antara 4.3% hingga 4.8% dengan defisit fiskal disasarkan terus berkurang kepada 3.0% daripada KDNK pada 2017 (2016: 4.2%; 3.1%) di samping memastikan kesejahteraan rakyat terus terjamin.